

ES10260001

12 Mac 2018

Kepada Pihak Berkepentingan,

Tuan/Puan,

**Undangan untuk memberi komen terhadap pensijilan RSPO ke atas Sawit Kinabalu Sdn Bhd - Apas Balung Kompleks**

Sawit Kinabalu Sdn Bhd - Apas Balung Kompleks memohon kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. untuk mendapatkan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Mampan (National Interpretation of RSPO Principles and Criteria for Sustainable Palm Oil Production).

RSPO merupakan organisasi yang ditubuhkan pada 2004 dan bermatlamat untuk menggalakkan pengeluaran minyak sawit mampan serta penggunaannya. Pensijilan RSPO memberi pengiktirafan kepada pengeluar minyak sawit bahawa mereka telah mengeluarkan minyak sawit mampan yang merangkumi:

- Pelaksanaan amalan pertanian baik
- Kepatuhan pada perundangan
- Bertanggungjawab ke atas pemeliharaan sumber semulajadi, kepelbagaian bio dan alam sekitar
- Bertanggungjawab kepada pekerja, individu dan masyarakat yang menerima kesan daripada operasi perladangan dan pengilangan minyak sawit
- Penambahbaikan berterusan

Di dalam memastikan bahawa organisasi menepati kehendak di atas, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. ingin menjemput pihak tuan/puan untuk memberi maklumbalas bagi penilaian yang akan dijalankan ke atas Sawit Kinabalu Sdn Bhd - Apas Balung Kompleks.

Berikut adalah maklumat mengenai Sawit Kinabalu Sdn Bhd - Apas Balung Kompleks (No Keahlian.: 1-0223-16-000-00) dan SIRIM QAS International Sdn. Bhd.:

Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. (SKSB). SKSB adalah sebuah syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang terletak di Sabah. Aktiviti perniagaan utama SKSB ialah penanaman, pemprosesan, pengadaan dan perdagangan produk kelapa sawit seperti Tandan Buah Segar (FFB), Minyak Sawit Mentah (CPO) dan isirong sawit (PK). Pada masa ini, SKSB mempunyai 70,074.35 hektar kawasan ditanam di seluruh Sabah, lapan (8) kilang minyak sawit dan satu (1) kilang penapisan iaitu Kunak Refinery Sdn. Bhd. yang terletak di Tawau, Sabah.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. merupakan badan pensijilan, pengujian dan pemeriksaan utama di Malaysia. SIRIM QAS International Sdn. Bhd. menyediakan perkhidmatannya mengikut kehendak standard yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. SIRIM QAS International mempunyai pengalaman luas di dalam pensijilan sistem pengurusan kualiti, alam sekitar dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di sektor perladangan dari pengilangan kelapa sawit hingga industri hilirannya.



MS ISO/IEC 17021 : 2006 QS 02121999 CB 01  
AS ISO/IEC 17021 : 2006 EMS 17122002 CB 02  
AS ISO/IEC GUIDE 65 : 2000 PC 05102004 CB 01  
AS ISO/IEC 17021 : 2006 OSH 06122005 CB 01  
AS ISO/IEC 17021 : 2006 HACCP 05052008 CB 03  
SO/TS 22003 : 2007 FSMS 23122008 CB 01  
AS ISO/IEC 17021 : 2006 FMC 10122009 CB 02

MS ISO/IEC 17025  
CALIBRATION /TESTING  
SAMM NO. 085 SAMM NO. 086  
SAMM NO. 087 SAMM NO. 219  
SAMM NO. 231 SAMM NO. 240  
SAMM NO. 299 SAMM NO. 474  
SAMM NO. 377

MS ISO/IEC 17020  
MIBAS NO. 003

074

SIRIM QAS International Sdn. Bhd merancang untuk menjalankan penilaian keatas Sawit Kinabalu sdn Bhd - Apas Balung Kompleks bermula dari 17 April 2018 sehingga 20 April 2018. Standard RSPO Principle & Criteria MYNI, 2014 dan Standard RSPO Supply Chain, 2017 (Revised June 2017) adalah standard yang akan digunakan dalam penilaian ini. Sawit Kinabalu sdn Bhd - Apas Balung Kompleks terletak di tawau, Sabah, Malaysia. Butir-butir unit pensijilan boleh dirujuk di **Lampiran 1**.

SIRIM QAS International Sdn. Bhd telah melantik :

Pasukan Juruaudit	Peranan / Elemen yang di perlukan	Kelayakan dan Pengalaman
Mohd Zulfakar Kamaruzaman	Ketua Juruaudit/ HCV dan Isu Sosial dan Supply Chain	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman lebih 5 tahun bekerja dalam Ladang Kelapa Sawit</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO</li> <li>• Memiliki Ijazah (kepujian) Sains Perhutanan - Universiti Putra Malaysia</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus "RSPO-endorsed RSPO Supply Chain Certification Systems</li> </ul>
Mohd Ab Raouf Asis	Juruaudit/ Good Agriculture Practices (GAP) & Isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman lebih 7 tahun bekerja dalam Ladang Kelapa Sawit</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk QMS</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS</li> <li>• Memiliki Ijazah (kepujian) Teknologi Pengurusan (Pengeluaran dan Operasi) - University Tun Hussein Onn Malaysia</li> </ul>
Amir Bin Bahari	Juruaudit/ Isu Alam Sekitar dan Isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengalaman lebih 30 tahun bekerja dalam Ladang dan Kilang Kelapa Sawit</li> <li>• Berjaya menamatkan kursus Ketua Juruaudit untuk RSPO</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk EMS</li> <li>• Berjaya menamatkan Kursus Ketua Juruaudit untuk OHSAS</li> <li>• Memiliki Ijazah (kepujian) Kimia dan Diploma dalam teknologi pengilangan minyak kelapa sawit</li> </ul>

Berhubung dengan penilaian yang akan datang, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. mengalukan maklumbalas daripada tuan/puan berkaitan dengan :

- Perlindungan alam sekitar
- Pemeliharaan kepelbagaian bio
- Peluang pekerjaan
- Penyediaan keperluan perumahan, sanitasi, kemudahan awam dan pendidikan
- Pendekatan syarikat terhadap pembangunan masyarakat

- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- Lain-lain hal berkaitan penilaian, penilai dan syarikat / kilang / estet yang akan di nilai

Maklumbalas tuan/puan hendaklah di hantar kepada :

**Radziah Mohd Daud**

Ketua Seksyen Makanan, Pertanian dan Perhutanan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.  
Tingkat 1, Blok 4, Kompleks SIRIM Berhad,

No. 1, Persiaran Dato' Menteri,  
40700 Shah Alam,  
Selangor,  
Malaysia.

Telefon : +603 5544 6448

Faks : +603 5544 6763

Email : [radziah@sirim.my](mailto:radziah@sirim.my)

atau

**Masri Pudin**

Ketua Bahagian Perniagaan Perladangan

Sawit Kinabalu Group  
Jalan Kelapa Sawit

Off KM 4, Jalan Tuaran,  
88300 Kota Kinabalu,  
Sabah,  
Malaysia.


Telephone : +6088-235811

Fax : +6088-233779

Email : [masri@sawitkinabalu.com.my](mailto:masri@sawitkinabalu.com.my)

Pihak SIRIM QAS International mengucapkan terima kasih keatas segala maklumbalas yang telah di berikan.

Yang Benar,



**(NOR'AFIZA BINTI SAIM)**

Pengurus Besar Kanan  
Jabatan Pensijilan Sistem Pengurusan  
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

LAMPIRAN

Lampiran 1

Maklumat berkenaan Sawit Kinabalu sdn Bhd - Apas Balung Kompleks

KILANG SAWIT YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA							
Nama Kilang	Kapasiti Kilang (MT/Jam)	Lokasi	Koordinat GPS		Hasil Pengeluaran Tahunan (MT)		
		Alamat	Longitud	Latitud	CPO	Palm Kernel	
Apas Balung Palm Oil Mill	30	KM 37, Jalan Apas, 91009 Tawau, Sabah, Malaysia	4° 22' 18.36" N	118° 6' 5.35" E	39,358.77	8,618.67	
LADANG-LADANG YANG TERMASUK DALAM PENILAIAN UTAMA							
Nama Ladang	Lokasi		Koordinat GPS		Ringkasan Kawasan (Ha)		
	Alamat	Longitud	Latitud	Jumlah	Jumlah Ditanam	Purata Pengeluaran Tahunan (MT)	
Sungai Balung Estate	KM 37, Jalan Apas, 91009 Tawau, Sabah, Malaysia	4° 21' 30.00" N	118° 7' 0.00" E	4,357	4,007	101,200	
Sungai Kawa Estate	KM 37, Jalan Apas, 91009 Tawau, Sabah, Malaysia	4° 22' 40.00" N	118° 4' 30.00" E	2,744	2,256	69,000	
Total					7,101	6,263	170,200